

KECERDASAN EMOSI (EQ) GURU-GURU DI SEKOLAH  
BESTARI DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
TELOK DATUK, BANTING, SELANGOR :  
SATU KAJIAN KES

RUSITAH BINTI ABU HASSAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

108258



108258

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemahiran EQ ( Kecerdasan Emosi ) seseorang guru. Kajian ini dilakukan di sebuah Sekolah Bestari iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datuk, Banting, Kuala Langat, Selangor. Seramai 30 orang guru dari sekolah tersebut telah dipilih sebagai responden kajian. Soalselidik urus sendiri telah dipilih sebagai kaedah pengumpulan data. Statistik deskriptif dan kajian korelasi telah digunakan. Analisis data dibuat menggunakan perisian SPSS 7.0 for Windows. Hasil kajian mendapati guru perempuan berumur 30 tahun ke atas dan bersifat personaliti ekstrovert mempunyai kemahiran EQ yang tinggi . Selain dari itu, didapati juga guru yang mempunyai sifat prihatin dan bermotivasi merupakan guru yang cekap mengurus bilik darjah. Dua domain kemahiran EQ tersebut membantu guru menguruskan bilik darjah dengan berkesan.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Masalah moral pelajar masa kini adalah di antara topik hangat yang dibincangkan dewasa ini. Para pelajar dewasa ini sudah berani membakar bilik guru, memukul guru dan juga terlibat dalam kegiatan kongsi gelap. Di samping itu, dunia pendidikan negara pernah dikejutkan dengan penangkapan beramai-ramai pelajar-pelajar berpakaian seragam sekolah semasa waktu persekolahan oleh pihak polis ketika melepak di kompleks membeli belah di salah sebuah bandar berhampiran bandar Cyberjaya. Apabila ditanya kenapa mereka berada di luar kawasan sekolah pada waktu persekolahan, rata-rata memberi alasan bahawa mereka bosan belajar di sekolah.

Peningkatan dalam masalah-masalah keluarga dan gejala-gejala sosial telah mencetuskan pelbagai kajian psikologi untuk meninjau punca-punca masalah ini ( Gadner , 1983 ; Goleman, 1995 ). Hasil daripada itu, lahirlah konsep Kecerdasan Emosi atau Emotional Quotient ( EQ ) yang dianggap sebagai salah satu daripada sebab mengapa seseorang melakukan perkara-perkara yang tidak patut dilakukan. Keupayaan untuk

mengawal perasaan negatif seperti marah, suka memberontak, dengki, hiba dan pilu antara lainnya menjadi petunjuk kepada kekurangan EQ. Tanpa EQ, seseorang itu tidak akan dapat mengawal perasaannya dan di sinilah timbulnya masalah-masalah dalam yang menyebabkan dia tidak dapat mencapai kejayaan dan kegembiraan dalam hidup.

Guru memainkan peranan yang penting dalam perlaksanaan sistem pendidikan di negara ini. Mereka bukan sekadar menjadi tenaga pengajar tetapi pembimbing kepada golongan generasi muda dalam usaha pembentukan pelajar yang berkualiti, selaras dengan matlamat pendidikan negara. Selain dari menjadi tenaga pengajar dan membantu dalam perlaksanaan kurikulum pendidikan, guru juga boleh dianggap sebagai pemimpin, fasilitator, model dan perunding kepada pembentukan akhlak pelajar. Disebabkan peranan mereka yang semakin mencabar dalam dunia pendidikan, kejayaan mereka merealisasikan peranan tersebut banyak dipengaruhi oleh reaksi emosi mereka terhadap pekerjaan yang dijawatnya dan aspek-aspek yang berkaitan dengan situasi kerja itu sendiri.

Perubahan dalam sistem pendidikan telah mendesak guru-guru untuk terus bekerja keras dan berhadapan dengan cabaran semasa. Implikasi dari itu, guru-guru dikehendaki menguasai kepakaran dan kemahiran dalam memotivasi dan merangsangkan pembelajaran, menguruskan aspek kurikulum dan ko-kurikulum, membimbing pelajar, menerapkan dan mengukuhkan pembentukan nilai-nilai murni bagi menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis. Tuntutan masyarakat yang berkehendakkan pendidikan

yang baik, mengikut perkembangan semasa telah memberi kesan terhadap peranan dan kewibawaan para guru.

Dalam bab ini akan membincangkan perkara-perkara yang meliputi Pernyataan Masalah ( 1.1 ), Tujuan Kajian Dan Persoalan Kajian ( 1.2 ), Kepentingan Kajian ( 1.3 ), Batasan Kajian ( 1.4 ), Definisi Istilah ( 1.5 ) dan Penutup ( 1.6 ).

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Profesional perguruan yang pada suatu masa dahulu disanjung dan diminati, kini reputasinya semakin menurun. Kebelakangan ini juga terdapat banyak laporan mengenai masalah penurunan prestasi sistem pendidikan. Di satu pihak, masalah disiplin, ponteng sekolah, pengambilan dadah, merokok, jenayah dan keganasan kian menjadi-jadi manakala di pihak lain, berbagai kritikan dan cabaran mengenai imej guru masa kini sering tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan. Guru dikecam, dikritik, dicemuh, dipulau, diugut malah ada yang dicederakan. Ramai orang berpendapat guru mempunyai masa bertugas yang pendek dan bekerja separuh hari. Ibu bapa pula tidak mahu anak-anak mereka didenda di sekolah dan ingin mengendalikan sendiri hal mendisiplinkan anak-anak mereka.

Oleh itu, tidak hairanlah kewibawaan seluruh institusi pendidikan formal tergugat. Fenomena-fenomena seperti ini perlu ditangani dan diatasi dengan segera. Di tangan para